

SUKATAN PEPERIKSAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN 2 (TK 2) JURUPROSES FILEM X-RAY TINGKATAN BIASA U11

1. Matlamat Sukatan Peperiksaan

1.1 Tahap kecekapan 2 (TK 2)

Pada TK 2 : Pegawai

- i. Berkebolehan memahami dan mengaplikasi aspek – aspek berkaitan cara memproses filem radiografi dengan teknik yang betul dan cekap, berkeupayaan menoperasikan mesin memproses automatik, berkebolehan memberi khidmat nasihat kepada rakan setugas, kemahiran dalam menyelesaikan masalah semasa dan berpengetahuan ICT
- ii. Berupaya memahami konsep – konsep dan peraturan pengurusan sumber dan arahan pentadbiran dalam melaksana bidang tugas jawatannya.

2. Tujuan peperiksaan

Untuk menguji kebolehan dan kecekapan pegawai dalam menemui salah satu syarat anjakan gaji.

3. Pegawai yang layak menduduki peperiksaan ini

Juruproses Filem X-Ray Tingkatan Biasa U11 yang telah berada pada tahap P2 atau P3 sekurang-kurangnya 1 tahun.

4. Sukatan peperiksaan

Bidang sukatan peperiksaan adalah merangkumi kompetensi umum dan kompetensi khusus.

BAHAGIAN I

4.1 KOMPETENSI UMUM

- 4.11 Kemahiran bekerja secara berkumpulan
- 4.12 Pengurusan diri & masa

- 4.13 Kemahiran berkomunikasi
- 4.14 Kemahiran menyelesaikan masalah mengenai tugas-tugas harian
- 4.15 Berfikiran kreatif dan positif
- 4.16 Kemahiran mengguna komputer untuk tujuan pendaftaran dsb.

BAHAGIAN II

4.2 KOMPETENSI KHUSUS

4.2.1 Kemahiran dalam memproses filem radiografi

- teknik manual
- teknik automatik
- mengisi filem ke dalam kaset atau magazin
- menyediakan bahan kimia untuk memproses

4.2.2. Kemahiran melakukan kawalan mutu peralatan radiografi.

- aktiviti dilakukan secara berkala – harian, mingguan, dan bulanan.
- memasang skrin pengamat
- membuat laporan kerosakan

4.2.3 Mahir dalam membuat penduaan filem radiografi (duplicate film)

- teknik menggunakan masa yang betul
- menghasilkan filem penduan (copy film) yang berkualiti

4.2.4. Berpengetahuan dan kemahiran membuat pendaftaran

- menyemak borang permohonan radiografi agar menepati syarat yang diwajibkan oleh jabatan
- mengenal pasti bahagian anggota pesakit yang dipohon untuk dibuat pemeriksaan radiografi
- mahir mengendalikan komputer – terutamanya 'System Pathspeed'

4.2.5. Mahir dalam melakukan kerja-kerja failing dan memilih filem sebelum dihantar untuk dilapor

- merekod setiap pergerakan filem
- mengemaskini filem aktif dan tidak aktif
- menyusun filem radiograf dengan teknik yang betul, iaitu secara tegap dan mengikut tertib nombor pendaftaran
- menghantar dan mengambil filem radiografi yang telah dilapor
- mencetak laporan pemeriksaan yang telah siap dilapor

'print report'

4.2.6. Kemahiran mengendalikan stor filem dan bahan kimia

- berpengetahuan dalam memasuk dan mengeluarkan bahan-bahan di dalam stor (first in – first out) atau mengikut tarikh luput
- mahir dalam mengawal stok - (pembelian tambahan)

- penyusunan dengan teknik yang betul dan selamat
 - susunan secara berdiri untuk elak kerosakan
 - bahan kimia tidak terbuka atau tertumpah
 - suhu yang dingin dan kering
- berpengetahuan tentang ciri-ciri keselamatan stor
 - stor mestilah sentiasa berkunci
 - kemasukan dan pengeluaran bahan mestilah dicatit – tarikh, jumlah, dan tandatangan pengambil

4.2.7 Berkeupayaan memahami aspek – aspek penyelenggaraan minima terhadap kerosakan peralatan memproses filem radiografi

- Membaiki kebocoran cahaya di dalam bilik gelap dan berkeupayaan mengganti mentol lampu keselamatan
- Berkebolehan mengenalpasti tanda – tanda cecair memproses kurang berfungsi

4.2.8 Berkeupayaan memberi khidmat nasihat kepada kakitangan lain serta berkebolehan menyelesaikan masalah

- Memberi khidmat nasihat tentang langkah – langkah keselamatan kepada kakitangan dan pelanggan semasa di jabatan radiologi
- Mahir dalam mengesan filem – filem radiografi yang hilang atau gagal di pulangkan dalam masa yang ditetapkan.

| | | | |
|----|---------|---|---|
| 5. | Soalan | : | Bahagian I 40 soalan (Aneka Pilihan) Jawab semua soalan |
| | | | Bahagian II (Amali) |
| 6. | Masa | : | Bahagian I 1 jam Bahagian II 3 jam |
| 7. | Rujukan | : | Calon-calon tidak dibenarkan |

| | | | |
|-----|--|---|--|
| | | | merujuk bahan-bahan bacaan/rujukan semasa peperiksaan sedang dijalankan |
| 8. | Tahap kesukaran soalan | : | Pengetahuan |
| 9. | Pengecualian | : | Calon-calon yang telah lulus mana – mana bahagian adalah dikecualikan daripada mengambil bahagian tersebut |
| 10. | Keputusan | : | Lulus/Kandas |
| 11. | Pemeriksa Dilantik Oleh | : | Pengerusi Panel Penilaian Kompetensi |
| 12. | Bahasa (soalan dan Jawapan) | : | Bahasa Melayu |
| 13. | Permohonan dikemukakan kepada | : | Urusetia Peperiksaan PTK, Jabatan Pendaftar |
| 14. | Pusat Peperiksaan akan ditetapkan oleh | : | Urusetia Peperiksaan PTK, Jabatan Pendaftar. |
| 15. | Kekerapan peperiksaan | : | Sekali setahun |
| 16. | Tarikh akhir mengemukakan permohonan | : | 1 ½ bulan sebelum tarikh peperiksaan |

RUJUKAN

1. Arahan perkhidmatan
2. Surat Pekeliling Perbendaharaan 2/80, 2/91 dll
3. Arahan keselamatan
4. Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam
 - o **PKPA Bil. 2/91, PKPA Bil. 8/91, PKPA Bil 1/92Bil. 2/96**
5. Perintah Am Bab A, B, C, D, F dan G
6. Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Tatatertib) 1993
7. Pekeliling Perkhidmatan Bil.7/93 dan lain-lain Pekeliling Perkhidmatan
8. Tonggak 12
9. Buku nilai dan Etika – INTAN Citra Karya
10. Protokol dan Etiket (INTAN)
11. Lain – lain penerbitan/majalah/buku yang berkaitan

12. Peraturan Setempat Perlindungan Sinar – X (Local Rules)
13. ‘ Operator Manual ‘ untuk setiap jenis mesin memproses filem x-ray

| |
|---|
| SENARAI TUGAS JURUPROSES FILEM X-RAY U11 |
|---|

1. Memproses filem radiografi.
2. Menyediakan larutan memproses filem radiografi.
3. Mendaftar data pesakit untuk semua pemeriksaan radiografi.
4. Menyimpan (failing) filem radiografi.
5. Membuat penduaan (duplicate) filem radiografi.
6. Melakukan kawalan mutu peralatan radiografi.
7. Memilih dan menghantar setiap filem radiografi yang belum dilapor kepada doktor.
8. Merekod setiap pergerakan filem radiografi.
9. Membersihkan bilik gelap.
10. Membuat laporan kerosakan peralatan di bawah kawalan, seperti mesin memproses filem radiografi, bilik gelap, komputer dan lain-lain.

